



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 24 APRIL 2025 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SIKAP KELI	KEJADIAN DI PUTRA HEIGHTS: DI SEBALIK TRAGEDI, INI HAKIKAT YANG RAKYAT MALAYSIA SEDANG AMALKAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBSA MPBJ MPAJ DBKL	- MBSA EXPANDS CAMPAIGN TO REDUCE PLASTIC WASTE - MPBJ GRANT - E-SPORTS TOURNEY - DBKL TO INITIATE FLOOD-MITIGATION EFFORTS IN SEVERAL AREAS IN CAPITAL CITY

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- FLASH FLOODS STRIKE PARTS OF SELANGOR - STRICTER FIRE SAFETY RULES SOON - TRUMP 2.0 BRINGS NEXT LEVEL CHALLENGES IN 2025
2.	SINAR HARIAN	- RESAH SETIAP KALI HUJAN LEBAT - LALUAN UTAMA DI LEMBAH KLANG SESAK AKIBAT BANJIR KILAT - CADANG KEMIUDAHAN BENCANA DI SUNGAI BULOH - MALAYSIA NEGARA PERTAMA AGIH KAD NUSUK - STOK EMAS CEPAT HABIS SELURUH MALAYSIA - VAPE BAWA MUDARAT KEPADA NEGARA - HASIL AGIHAN ZAKAT RM1.19 BILION
3.	KOSMO	PESTA BUKU BAKAL TARIK 1.9 JUTA PENGHUJUNG
4.	HARIAN METRO	- TIADA TOLAK ANSUR DENGAN KAKITANGAN AWAM KOMEN JELIK - KUTIP RM1.22B ZAKAT - REMAJA SUNTING GAMBAR LUCAH GUNA AI - PENGIKTIRAFAN ARAB SAUDI - BANGKITKAN RASA BANGGA PELAJAR - CABARAN HAK WANITA B40 SELEPAS BERCERAI
5.	BERITA HARIAN	4 SISTEM AMARAN AWAL TSUNAMI DINAIK TARAF - INFLASI NAIK PERLAHAN KEPADA 1.4 PERATUS MAC - MALAYSIA NEGARA PERTAMA DIBENAR EDAR KAD NUSUK
6.	UTUSAN MALAYSIA	402,956 CALON SPM 2024 BOLEH SEMAK KEPUTUSAN HARI INI - KERAJAAN PERLU SERAP 18,000 KAKITANGAN SKIM MYSTEP
7.	NEW STRAITS TIMES	- NO CASUALTIES REPORTED IN KLANG VALLEY LANDSLIDES - SELANGOR HIT BY FLASH FLOODS - MORNING NIGHTMARE FOR RESIDENTS - RAIN HINDERING COLLECTION OF SAMPLES AT GAS PIPELINE BLAST SITE - HIGHWAY NEAR SHAH ALAM FLOODED
8.	THE SUN	BAHASA MELAYU ASSET TO FURTHER STRENGTHEN M'SIA-CHINA TIES

Kejadian Di Putra Heights: Di Sebalik Tragedi, Ini Hakikat Yang Rakyat Malaysia Sedang Amalkan



Kejadian letupan saluran paip gas yang berlaku di Putra Heights baru-baru sememangnya mengejutkan ramai pihak dan kejadian sebegini jarang sekali untuk terjadi. Pelbagai tanggapan dan ulasan diberikan orang ramai, sama ada yang berbentuk positif, mahupun dari sudut negatif.

Walau bagaimanapun, jika dilihat apa yang berlaku, kejadian di Putra Heights menyedarkan kita tentang satu hakikat yang masyarakat Malaysia sedang amalkan sejak sekian lama. Boleh dikatakan yang disebalik tragedi, ada manis boleh ditonjolkan.



Hakikat yang dimaksudkan adalah rakyat Malaysia bersatu padu dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa kejadian. Sejak awal kejadian pada Hari Raya Aidilfitri yang kedua itu, sudah banyak bantuan yang dihulurkan orang awam kepada mangsa-mangsa kejadian. Mereka bagaikan tidak hiraukan diri sendiri, hanya mahu pastikan mangsa-mangsa yang lain juga selamat.

Ketika berada di fasa pasca tragedi, orang ramai juga dengan sukarela turun padang membantu 'membersihkan' kawasan terjejas. Mereka bertungkus-lumus membantu penduduk setempat yang terlibat, membaiki apa yang patut dan juga membersihkan sisa-sisa akibat kejadian letupan tersebut.

SIKAP KELI ONLINE
TARIKH: 24 APRIL 2025

Kejadian Di Putra Heights: Di Sebalik Tragedi, Ini Hakikat Yang Rakyat Malaysia Sedang Amalkan



Lebih menarik, mereka membantu mangsa-mangsa kejadian tanpa memikirkan latar belakang bangsa mahupun agama seseorang. Perkara ini sudah membuktikan bahawa rakyat Malaysia sangat bersatu padu, tidak memilih golongan mangsa untuk dibantu.

Bantuan yang dihulurkan juga dengan pelbagai bentuk, kalau tidak mampu dengan wang ringgit, mereka juga tidak lelah turun membantu melalui fizikal dan juga tenaga. Ketika inilah dapat dibuktikan disebalik tragedi yang menimpa, ada hakikat di mana rakyat Malaysia sentiasa bersatu padu apabila orang lain ditimpa musibah.

Apabila bercakap tentang bantuan, sudah pasti ada yang mempersoalkan usaha kerajaan mahupun syarikat-syarikat yang berkaitan. Seperti yang dapat kita lihat, PETRONAS merupakan syarikat yang paling awal bertindak balas dalam kejadian ini, dengan menjalankan tugas sebagai pemilik aset tanpa mengira siapa pun yang menjadi punca kepada kejadian ini.

Bagi PETRONAS, usaha untuk menstabilkan dan memastikan keselamatan orang ramai serta komuniti setempat terjamin terlebih dahulu kerana ia boleh dianggap sebagai krisis awam. Mengenai siapa yang salah atau yang terlibat, itu boleh dibicarakan kemudian hari kerana keselamatan orang ramai lebih menjadi keutamaan.

Selain itu, banyak lagi syarikat yang turut serta menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Sebagai contoh, syarikat insuran Etiqa membantu dengan memberi perlindungan semua kenderaan, kemalangan peribadi, kebakaran runcit, pemilik rumah dan pelanggan yang terjejas akibat tragedi ini. Lebih bermakna, Etiqa turut mengecualikan keperluan laporan polis untuk memudahkan proses tuntutan.

Antara lain, syarikat kenderaan Chery Corporate Malaysia turut menjalankan Program Bantuan Kenderaan Sementara bertujuan membantu keluarga mangsa terjejas untuk mendapatkan akses pengangkutan sementara untuk segala urusan yang mereka perlu lakukan. Bukan Etiqa dan Chery sahaja, syarikat BCorp, Matrix, Carsome dan banyak lagi syarikat lain turut membantu mangsa-mangsa kejadian.

Tak habis dengan itu, Tabung Prihatin Selangor juga berjaya mengumpul sebanyak RM4.74 juta setakat dilaporkan pada 16 April lalu untuk membantu mangsa insiden kebakaran saluran gas di Putra Heights. Menurut Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, jumlah terkumpul tersebut hasil sumbangan pelbagai pihak yang prihatin dengan tragedi berkenaan.

Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) juga tidak terlepas menyalurkan bantuan hampir RM30,000 kepada mangsa tragedi Putra Heights. Sumbangan itu dikumpulkan menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sebagai sebahagian daripada usaha bantuan kecemasan dan sokongan pasca bencana.

Bantuan tersebut digunakan untuk sediakan keperluan asas seperti makanan, minuman serta sokongan psikososial bagi pastikan fizikal dan mental mangsa terus terpelihara.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga turut tampil melaksanakan pelan tindakan komprehensif demi membela nasib mangsa. Antaranya KPKT telah menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada semua agensi di bawah kementerian, termasuk agensi pelaksana seperti SPNB dan PR1MA. Menurut Menteri KPKT, Nga Kor Ming, sejumlah RM2 juta diperuntukkan kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi membaiki pulih infrastruktur awam yang terjejas.

SIKAP KELI ONLINE

TARIKH: 24 APRIL 2025

Kejadian Di Putra Heights: Di Sebalik Tragedi, Ini Hakikat Yang Rakyat Malaysia Sedang Amalkan

Kumpulan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan rakan strategiknya turut menyumbang RM2 juta sebagai bantuan segera kepada mangsa. Walau bagaimanapun, sumbangan itu disalurkan melalui Tabung Selangor Prihatin bagi memenuhi keperluan mendesak dalam membantu keluarga yang terjejas.

Antara rakan strategik MBI termasuklah Oriental Interest Bhd (Myra Garden), Astrum Shah Alam Sdn Bhd, Murni Gemilang Sdn Bhd, MGB Bhd, Jejak Rimbun Sdn Bhd, Trans Loyal Development Sdn Bhd, Gagasan Nadi Cergas Bhd, Impeccable Vintage Properties, Mirago Resources Sdn Bhd, Sg. Rambai Holdings Sdn Bhd, Midas Dragon Sdn Bhd, East Rock Sdn Bhd dan Laurelcap Sdn Bhd.

Begitu juga syarikat Petronas Gas Bhd (PGB) yang terus menyalurkan bantuan dengan serta-merta setelah kejadian ini berlaku. Sejak hari pertama, PGB telah menyediakan kira-kira 1,000 pek makanan sehari di pusat bantuan dan lebih 100 kakitanganya menawarkan diri untuk menguruskan agihan makanan di pusat bantuan sementara (PPS).

Petronas juga turut bekerjasama dengan hospital, KKM, kerajaan Persekutuan dan Prihatin Selangor untuk menyediakan kemudahan perubatan dan mengagihkan lebih RM700,000 bantuan kewangan kepada mangsa yang terjejas. PGB juga bekerjasama dengan Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dalam usaha bantuan lanjutan untuk menyediakan penempatan transit bagi yang memerlukan kediaman jangka masa panjang.

Kejadian letupan saluran paip gas di Putra Heights memang merupakan satu tragedi, namun kita dapat melihat rakyat Malaysia bersatu padu mengerah segala tenaga, memperuntukkan sejumlah kewangan untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat. Hakikat yang kita perlu hadam di dalam hati dan fikiran adalah rakyat Malaysia sentiasa membantu satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.

SIKAP KELI ONLINE

TARIKH: 24 APRIL 2025

MBSA expands campaign to reduce plastic waste

STAR (MBSA)
2A14

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

IN LINE with its zero-waste targets, Shah Alam City Council (MBSA) has pledged to provide support to organisations or building or premises owners in the city keen to join its "Program Komuniti Bebas Plastik Sekali Guna".

The project was initiated by the city council to make Shah Alam free of single-use plastics.

MBSA management deputy secretary Mohd Azhar Mohd Sharif said the project, which started in 2022 with Bangunan Vista Alam in Section 14, has gained strong support from the community.

"After Bangunan Vista Alam, Wisma MBSA joined the project. The Selangor State Development Corporation's (PKNS) Kompleks PKNS was also selected to join last year," he said during an event at Kompleks PKNS yesterday that was aimed at educating traders and building management about the project.

During the event, they were briefed on the Shah Alam Single-Use Plastic Usage Control Action Plan, an action plan developed by MBSA.

Mohd Azhar said the project was certified by the Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), one of MBSA's strategic partners.

"MBSA has become the sustainability role model for other local authorities in Malaysia.

"Shah Alam was also selected as the pioneer city to implement the Single-Use Plastic Reduction Programme under the Collaborative

Kompleks PKNS latest building to join project to eliminate single-use plastics in Shah Alam



(From second left) Mohd Azhar and Syahril launching the reusable bag display cabinet at Kompleks PKNS in Shah Alam. — KK SHAM/The Star

ation Actions for Single-Use Plastic Prevention in South-East Asia.

"It is a collaborative programme with MGTC and GIZ, a German service provider in the field of international cooperation for sustainable development and international education," he said.

Mohd Azhar said MBSA and PKNS would jointly form a Single-Use Plastic-Free Community Task Force for various purposes including information sharing.

"MBSA also hopes the whole of

Selangor will stop the usage and reliance on single-use plastics by 2030 to reduce plastic waste."

However, Mohd Azhar said single-use plastics would not be banned in the city.

"The project only acts as a medium to encourage the reduction of single-use plastics.

"I urge all traders to encourage their customers to refrain from using single-use plastics.

"This action could change their customers' behaviours," he said.

Also present was Kompleks PKNS and SACC Mall building

manager Syahril Mohd Rashid who hoped the effort would become the benchmark and inspire PKNS and its subsidiaries to reduce single-use plastics and work towards a sustainable future.

During the event, Syahril and Mohd Azhar launched a reusable bag display cabinet in the complex.

It is an initiative by MBSA to encourage the public to contribute unused reusable bags to be used by visitors to the complex.

THE STAR

tarikh: 24 APR 2025

MPBJ GRANT / KUALA LUMPUR

PJ SEED (Social, Environment & Economy Development) community grant by Petaling Jaya City Council (MBPJ) is accepting applications until May 30. For details, visit rb.gy/d22yfh

E-SPORTS TOURNEY

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) will have a PS5 FC25 tournament on May 25 at Padang Perbandaran MPAJ Pandan Indah during its car-free day. The registration fee is RM30. Register at shorturl.at/r1BaM or call 013-337 0961 for details.

THE STAR

Tarikh: **24 APR 2025**

IN THE wake of flash floods across the capital city, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is rolling out a series of measures aimed at reducing risk in future.

According to DBKL, flood mitigation measures would be carried out in several areas of Kuala Lumpur including upgrading of drainage systems and water outlets in the affected areas.

Regular silt dredging will also be carried out to ensure smooth drainage flow.

"Further investigations are being conducted in collaboration with the relevant departments and agencies to identify additional contributing factors, such as soil or mud flow from hilly areas.

"DBKL remains committed to improving the efficiency of the city's drainage system through the ongoing implementation of the Medium-Term Flood Mitigation Programme," it said in a statement.

This follows flash floods in the city on Monday at several areas, including Jalan Sultan (Petaling Street), the slip road from Jalan Travers to Jalan Damansara, Jalan Kuching and Jalan Segambut.

"The main cause of the incident was identified as a high

DBKL to initiate flood-mitigation efforts in several areas in capital city

SHE (DBKL)
24/4



A DBKL worker clearing the drain of debris following flash floods in several areas in the city on Monday.

rate of surface runoff within a short period.

"This was compounded by the existing drainage system reaching its maximum capacity.

"River overflow also triggered

the automatic closure of flap gates to prevent river water from entering the surrounding drainage system.

"Immediate action was taken by DBKL's appointed contractors

to clear drains of debris, dry leaves, sand and silt," it said, adding that continuous monitoring was also being carried out via the CCTV system.

DBKL said as a result of this swift response, water in all affected locations receded within 30 to 40 minutes, with no injuries or serious damage reported.

"We urge all city residents to refrain from disposing of waste into drains and to promptly report any drainage blockages to DBKL for immediate action," it added.

In Parliament last year, it was reported that two of the 14 flood-mitigation projects in the city, to deal with the flash floods, had been completed.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa said seven flood mitigation projects were completed in 2022 and 2023.

She added that from 2025 to 2027, four more projects were being planned to enhance flood resilience in Kuala Lumpur.

THE STAR

Tarikh:....24 APR 2025....



Flash floods strike parts of Selangor

Star
24/4

SHAH ALAM: Several areas in the Klang Valley were affected by flash floods and landslides following heavy rainfall since early yesterday, causing massive traffic jams on several highways and roads.

Selangor Fire and Rescue Department assistant director Ahmad Mukhlis Mukhtar said the worst-affected areas were Sungai Buloh, Petaling Jaya and Subang Jaya where eighty-six homes were affected, though no evacuations were reported.

Water levels reached almost one metre in Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh, affecting 80 homes, but they receded several minutes later.

Meanwhile, in Kampung Baru Sungai Buloh, six homes were inundated with water levels as high as 0.6m, but the affected residents declined to evacuate as water levels subsided later.

Flooding also occurred in Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, where villagers were caught off guard, as many were still asleep when their homes were inundated.

Ahmad Mukhlis also said, a car was stranded when the water level rose to 0.6m.

He added that a female driver in her 50s was rescued by members of the public after floodwaters rose to 1.5m along Jalan PJU

1A/46 in Petaling Jaya.

In another incident, the embankment of a retention pond in Taman Sri Alam, Saujana Utama, gave way again following heavy rain in the area.

"The collapse caused water from the pond to overflow, flooding the area up to 0.3m and affecting 35 homes," he said.

On Dec 29 last year, the same embankment collapsed, affecting around 200 homes in the surrounding area.

In Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, a wall in an international school gave way after a landslide.

Kuala Lumpur Fire and Rescue Department operations commander Azkhan Hamdan said none of the students or nearby residents were harmed in the incident, which is believed to have occurred at around 7am.

"The incident affected two vehicles and parts of the school building, including classrooms, a staff room, toilets and the library.

"The team then inspected the area to ensure the situation was safe," he said.

A landslide also occurred in Jalan Haji Abdullah in Sungai Merab, which blocked the main road entering and leaving the area. However, there were no victims.



Journey's end: (Left) A stranded car on Jalan PJU in Petaling Jaya; and the landslide incident on Jalan Hj Abdullah. — Photos courtesy of the Selangor Fire and Rescue Department and Sepang MP Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu's Facebook



Helpless: Some of the 80 homes that were affected by the flash floods at Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh. — Photo courtesy of the Selangor Fire and Rescue Department

THE STAR

Tarikh: 24 APR 2025

Stricter fire safety rules soon

91 ME 24 APR

Fire and Rescue Department granted more powers now

PETALING JAYA: Fire safety efforts are poised to be strengthened, with the Fire and Rescue Department granted greater regulatory oversight in the field.

This comes following amendments to the Fire Services Act 1988, with key provisions including the mandatory registration of fire safety training services and instructors.

According to Fire and Rescue Department director-general Datuk Nor Hisham Mohammad (pic), this will ensure that the training provided will be of the highest quality alongside improving the efficiency and preparedness of fire and rescue services.

"Training providers must ensure that their services adhere to set criteria.

"The department is open to individuals and companies interested in working together with us to enhance fire technical knowledge among industry players," he said in a recent interview.

There are currently 13 companies that provide this service nationwide.

"We hope these companies will register themselves with the department once it comes into force," he added.

Following the amendments, unregistered training providers or instructors found providing their services can be liable to a fine not exceeding RM100,000 for offences under Section 36E(2), upon conviction.

There will also be improved regulations on the registration of firefighting equipment and its maintenance, following amendments to the Act.

This refers to facilities such as fire resistant doors, smoke and heat detectors, hose reels, sprinkler systems, fire alarm panels, fire extinguishers and exit signs.

"Regulating this aspect is extremely important as it ensures that the items can perform its



The Star
EXCLUSIVE

intended functions efficiently during fires, upholding the safety of the premise and its inhabitants," Nor Hisham said.

Those found selling or installing unregistered firefighting equipment can be issued a fine not exceeding RM500,000, a jail term not exceeding five years, or both, if found guilty.

Under the Act, it will also be compulsory for fire safety consultants, fire safety consulting firms, competent persons and fire safety contractors to register with the department.

Mandatory registration is currently needed for these fields through an order from the fire department director-general, but it is now part of the Fire Services Act following the amendments.

According to department records, there are currently 20 safety consultants, nine fire safety consultant firms, 742 competent technicians and 667 fire extinguisher service contractors registered as of 2024.

A total of 1,468 firefighting equipment accreditation certificates have also been registered and issued.

Existing service providers will have to register with the department within a year from when

Fire safety related services that must be registered after the Fire Services Act amendments

> Installation of any firefighting or fire safety equipment

This includes:



Fire resistant doors



Smoke detectors



Heat detectors



Hose reels



Sprinkler systems



Fire alarm panels



Fire extinguishers



Exit signs



Emergency lights



> Fire safety contractor and appointed competent persons

> Fire safety training providers and instructors

> Fire safety consultants and firms

Source: Fire Services (Amendment) Bill 2025

The Star graphics



the law comes into effect.

Under Section 36D(2), any unregistered competent persons or fire safety contractors found delivering related services can be issued a fine not exceeding RM50,000, or face a jail term not exceeding three years, or both, if convicted.

Unregistered fire safety consultants and fire safety consulting firms are also not authorised to provide fire risk analysis reports to their clients or premise owners, which is a mandatory requirement under existing regulations.

"The registration process and criteria will be comprehensively explained through a set of detailed guidelines and regulations later,"

Nor Hisham added.

Parliament passed the Bill in the Dewan Rakyat on March 5, with the Dewan Negara subsequently passing it March 25.

On another matter, Nor Hisham said the department will now have direct oversight over voluntary fire brigades.

"Once it comes into force, they will register directly with the department.

"This places voluntary fire brigades completely under the department's oversight," he said, adding that this will enable more streamlined management of the brigades.

Under current rules, these brigades will have to first register with the Registrar of Societies.

THE STAR

Tarikh: 24 APR 2025

ECONOMY

By GANESHWARAN KANA
ganeshwaran@thestar.com.my

PETALING JAYA: Most of Malaysia's economic transformation goals for 2025 will be difficult to achieve, according to a research house.

While political stability and state-federal coordination have improved, BIMB Securities Research said fiscal constraints, bureaucratic drag, and global macro headwinds would limit what can be achieved.

"It must be acknowledged that many targets were set before the pandemic and not adjusted for the dual shocks of Covid-19 and escalating geopolitical tensions reshaping global trade.

"Therefore, not all misses are equal – some 'failures' warrant an asterisk. Furthermore, Trump 2.0 has brought with it some 'next level' challenges," the research house said.

Its analysis of the 12th Malaysia Plan (12MP) and related national blueprints showed clear progress in some sectors, but others are edging into the "mission impossible" territory.

Beneath the headline growth, structural imbalances in labour, energy, and food security are building up, according to BIMB Securities Research.

"Our central thesis: policy ambition is high, but execution capacity remains uneven.

"Investors need to stop treating blueprints as guarantees – and instead position tactically around what is working, what is stalling and what the market is mispricing," it pointed out.

Trump 2.0 brings next level challenges in 2025

Geopolitical issues to limit achievement of targets

"While port efficiency has improved, logistics infrastructure and supply chain performance require further enhancement to meet 12MP objectives."

BIMB Securities Research

ing," it pointed out.

BIMB Securities Research noted that Malaysia's median salary target of RM2,700 for 2025 had been achieved within the first nine months.

While it is a positive progress, factors such as income inequality, sectoral wage gap and rising living costs remain crucial considerations in assessing overall economic well-being.

On the nation's logistics infrastructure, the research house said its ranking in the latest World Bank Logistics Performance Index has dropped to 26th, falling short of

the Top 20 target.

"While port efficiency has improved, logistics infrastructure and supply chain performance require further enhancement to meet 12MP objectives," it said.

As for boosting green mobility, it pointed out that Malaysia has installed 3,611 electric vehicle (EV) charging stations by the end of 2024.

The figure is lower than the 12MP's target of 10,000 EV charging stations this year.

It is also noteworthy that only 30% of the charging stations in 2024 are direct current

fast chargers.

Challenges such as high installation costs and grid capacity constraints must be addressed to meet targets this year and ensure nationwide accessibility to EV infrastructure, according to BIMB Securities Research.

The research house also noted that the country's goal to increase the supply of affordable houses is achievable this year.

The 12MP target of affordable houses is 500,000, and as of end-2024, 466,421 houses had been completed, under construction, or are in the planning stages nationwide.

Meanwhile, BIMB Securities Research said Malaysia's target for agrofood production would not be achievable this year.

Rice self-sufficiency ratio (SSR) reduced to 56.2% in 2023, way below than the 12MP target of 75% by 2025.

The increasing reliance on imported rice has led to a declining SSR, the research house pointed out.

It stated that there is an urgent need for stronger policies and investments to boost domestic rice production and enhance food security.

THE STAR

Tarikh: ...2.4...APR. 2025...

Resah setiap kali hujan lebat

8th
24/4

Penduduk Lembah Klang bimbang kediaman, premis perniagaan tenggelam banjir

Olsh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

Penduduk di Lembah Klang semakin resah apabila setiap kali hujan lebat kawasan kediaman dan premis perniagaan mereka sering dinaiki air.

Situasi itu bukan sahaja mengakibatkan kerosakan harta benda, malah turut menjejaskan rutin harian penduduk yang terpaksa berdepan bencana itu secara berulang.

Seorang peniaga kedai runcit di Taman TTDI Jaya, M Jayasuria, 34, berkata, kejadian banjir pada Rabu bukanlah kali pertama berlaku, namun semakin kerap sejak insiden bah besar pada Disember 2021.

"Keadaan tidak banyak berubah setiap kali hujan lebat, cuma saya bimbang kedai berisiko tenggelam.

"Saya masih ingat banjir besar dahulu, air masuk hingga menyebabkan hampir 60 peratus stok barang rosak.

"Kami terpaksa alihkan semua barang dan alami kerugian puluhan ribu ringgit

dan sampai sekarang, tiada audit atau penjelasan daripada pihak berwajib," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Batu 3, Saiful Azuan Deraman pula menyifatkan banjir di kawasan itu kini ibarat fenomena tahunan.

"Ban sungai di Kampung Kebun Bunga yang mendap menjadi punca lebih 30 rumah penduduk termasuk Surau Al-Hasanah dilanda banjir pada Rabu," kongsi.

Tambahnya, pembangunan pesat di kawasan sekitar termasuk projek lebuh raya dan perumahan baharu memburukkan lagi keadaan apabila aliran air tersekat.

"Kami mengambil inisiatif menggunakan empat pam untuk mengalirkan keluar air, tapi tetap tak surut.


"Hujan lebat sedikit sahaja sudah cukup untuk kampung ini banjir dan saya masih ingat banjir pada 18 Disember 2021 adalah sejarah hitam yang menyebabkan saya cemas memikirkan keselamatan orang tua dan kanak-kanak," ujarnya.

Beliau turut mendesak pihak berwajib tampil dengan penyelesaian jangka panjang dan bukannya sekadar langkahan sementara.

"Kita mahu penyelesaian menyeluruh agar penduduk bukan sahaja selesa tetapi juga selamat," tegasnya.



Penduduk membuat benteng penahan air sementara di Kampung Kebun Bunga, Shah Alam pada Rabu.



Banjir kilat di Taman TTDI Jaya pada Rabu.

SINAR HARIAN
24 APR 2025

Tarikh:

84
24/4

Laluan utama di Lembah Klang sesak akibat banjir kilat



Banjir kilat di KM 9.1 NKVE arah utara dari Shah Alam ke Subang menyebabkan trafik sesak sehingga Persimpangan Setia Alam.

SHAH ALAM - Hujan lebat melanda Lembah Klang sejak awal pagi Rabu menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan dan mengakibatkan berlaku kesesakan trafik melibatkan beberapa laluan utama.

Plus Malaysia Berhad (PLUS) melaporkan, banjir kilat berlaku di Kilometer 9.1 Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) arah utara dari Shah Alam ke Subang menyebabkan trafik sesak sehingga Persimpangan Setia Alam.

Banjir kilat turut berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) iaitu persimpangan Shah Alam dari Subang ke Shah Alam.

PLUS turut melaporkan banjir kilat di plaza masuk tol dan sebelum keluar Plaza Shah Alam dari Shah Alam ke Subang.

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 APR 2025.....

Cadang kemudahan bencana di Sungai Buloh

81
24/4

SUNGAI BULOH - Ahli Parlimen Sungai Buloh, Datuk Seri R Ramanan akan memohon kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk membangunkan sebuah pusat simpanan barangan kecemasan sebagai persediaan membantu orang ramai dalam menghadapi banjir di kawasan Parlimen berkenaan.

"Saya juga akan memohon dengan kerajaan Selangor untuk mempercepatkan projek tebatan banjir dalam kawasan Parlimen Sungai Buloh bagi membendung kejadian banjir di kawasan sekitar sini daripada terus berlarutan," katanya dalam catatan di Facebook.

Beliau turut menyarankan mesyuarat penyelarasan bersama semua agensi berkaitan diadakan dalam masa terdekat bagi tujuan itu.

Sementara itu, bercakap kepada *Bernama* selepas meninjau keadaan mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Seri Pagi Paya Jaras, Ramanan berkata, pembinaan pusat penyimpanan barang kelengkapan itu di daerah Sungai Buloh penting bagi memastikan bantuan dapat disalurkan segera kepada mereka yang terkesan.

Ramanan berkata, selain hujan lebat, limpahan air dari Sungai Gombak turut menjadi punca air sungai naik dengan cepat serta menghakis ban di kawasan berkenaan.

SINAR HARIAN

Tarikh:24 APR 2025....

Malaysia negara pertama agih kad Nusuk

84
24/4

Pengiktirafan besar
daripada kerajaan
Arab Saudi terhadap
kecekapan sistem
pengurusan haji negara

KUALA LUMPUR

Malaysia sekali lagi melakar sejarah apabila menjadi negara pertama di dunia diberi kebenaran oleh kerajaan Arab Saudi untuk mengedarkan kad Nusuk dalam negara ini kepada jemaah haji sebelum berlepas ke Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi itu merupakan satu pengiktirafan kepada kecekapan sistem pengurusan jemaah haji Malaysia.

"Tahun lepas, kad Nusuk diserahkan di Makkah menjelang wukuf, namun tahun ini ia diagihkan lebih awal bagi memudahkan pergerakan jemaah.

"Jika kita berjaya menguruskan agihan kad Nusuk dalam negara ini, inisiatif ini akan diperluaskan ke negara Islam lain.

"Ia satu pengiktirafan besar daripada kerajaan Arab Saudi terhadap kecekapan sistem pengurusan haji negara, hasil hubungan erat dan strategik antara Tabung Haji (TH) dan Kementerian Haji dan Umrah Arab



Mohd Na'im (kiri) melihat visa jemaah haji di Menara TH Tun Razak pada Selasa.

Saudi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Unit Proses Visa Haji bagi meninjau persiapan pengurusan visa jemaah haji musim ini.

Turut hadir, Pengerusi TH, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Syed Hamadah Syed Othman.

Dalam pada itu, Mohd Na'im merakamkan penghargaan kepada kerajaan Arab Saudi atas kecekapan dalam pengeluaran visa serta penambahbaikan sistem kad Nusuk berkenaan.

"Kejayaan ini menjadi pemangkin kepada usaha TH untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah Malaysia," jelasnya.

Sementara itu Mohd Na'im berkata,

INFO

Kad Nusuk ialah kad pengenalan rasmi yang diperkenalkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi bagi semua **jemaah haji dari seluruh dunia.**

proses pengeluaran visa bagi jemaah haji Malaysia musim 1446 Hijrah/2025 Masihi telah mencapai 45 peratus.

"TH juga sudah bersedia sepenuhnya untuk mengendalikan urusan jemaah haji Malaysia dengan persiapan hampir 100 peratus.

"Tahun ini, TH membawa seramai 632 petugas haji yang terdiri daripada petugas kebajikan, perubatan dan wakil agensi luar," tambahnya. - Bernama

SINAR HARIAN

24 APR 2025

Tarikh:

Penjual akui berlaku pembelian panik susulan harga emas diramal terus melonjak

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Harga emas diramal melonjak RM600 hingga RM700 per gram pada penghujung tahun ini didorong fenomena luar biasa dan isu global yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Pengasas Empayar Emas YL Changlun, Elee Salmi Ishak berkata, peningkatan harga emas sejak awal tahun ini sahaja mencatatkan kenaikan lebih RM50 per gram membuatkan ramai individu mula menyedari potensi keuntungannya.

Menurutnya, lonjakan itu mencetuskan fenomena pembelian panik dalam kalangan masyarakat yang berlumba-lumba mendapatkan emas sebagai simpanan dan pelaburan.

84
24/4

"Kenaikan harga emas ini berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Pembelian panik berlaku kerana ramai sedar, jika tidak beli sekarang harga mungkin terus naik dan mereka akan terlepas peluang," katanya yang kini mempunyai lebih 1,500 ejen di seluruh Malaysia dan Indonesia.

Beliau turut menjangkakan trend ini akan berterusan memandangkan emas bukan hanya menjadi aset pelaburan menguntungkan, tetapi juga mampu menjadi simpanan jangka panjang yang kukuh.

Fenomena kenaikan harga emas menyebabkan permintaan meningkat secara mendadak, sehingga stok emas cepat habis di pelbagai platform di Malaysia.

"Alhamdulillah kami lihat pembelian emas berlaku secara drastik. Kilang emas juga panik kerana tidak mampu memenuhi per-

Stok emas cepat habis seluruh Malaysia



Elee Salmi (kanan) bersama anaknya, Nurul Izyani Mohd Yusop menunjukkan dinar turut laris dijual dan mendapat permintaan tinggi.

mintaan. Bagi mereka yang membeli emas dua hingga tiga bulan lalu, mereka sudah menikmati keuntungan daripada kenaikan

harga ini," tambah beliau.

Pada masa sama, ramai pemilik emas tampil menjual koleksi emas mereka untuk menikmati

margin keuntungan yang tinggi.

Elee Salmi turut menasihatkan masyarakat untuk menjadikan emas sebagai aset kewangan utama mereka.

"Tidak cukup bergantung simpanan tunai semata-mata kerana tunai lebih mudah digunakan dan boleh habis akibat nafsu berbelanja. Bila simpan dalam bentuk emas, kita tidak mudah menjualnya kerana rasa sayang, sekali gus dapat mengukuhkan kewangan kita," jelasnya.

Beliau percaya menyimpan emas dapat membantu individu merancang kewangan mereka dengan lebih baik, terutama dalam menghadapi ketidakstabilan ekonomi global.

Pada Selasa, harga emas melonjak ke paras tertinggi baharu, mencecah paras penting AS\$3,500 (RM15,307.40) atau RM492.14 satu gram.

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 APR 2025

Vape bawa mudarat kepada negara

84 24/4



**RINTIHAN
RAKYAT**

DR ANIS YUSAF YUSOFF

Baru-baru ini, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay menyuarakan kebimbangan terhadap penggunaan vape di Malaysia. Beliau menggesa Kerajaan negeri mengharamkan penjualan vape sebagai langkah membanteras penyalahgunaan dadah sintetik.

Menurutnya, kajian menunjukkan 65 peratus produk vape yang dirampas polis mengandungi bahan terlarang termasuk dadah sintetik. Beliau juga menekankan terdapat kes pelajar seawal usia 13 tahun menggunakan vape yang dicampurkan bahan terlarang.

Kebimbangan beliau itu mempunyai asas kukuh, malah terdapat pelbagai kajian lain menunjukkan vape atau rokok elektronik menimbulkan risiko kesihatan semakin ketara di Malaysia dan seluruh Asia terutama dalam kalangan remaja.

Menurut National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022, didapati penggunaan e-rokok dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun meningkat daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus pada 2022, mana-

kala kadar merokok konvensional menurun daripada 13.8 peratus kepada 6.2 peratus dalam tempoh sama.

Ia menunjukkan peralihan tabiat daripada merokok kepada penggunaan vape adalah satu trend baharu perlu diberi perhatian oleh semua ibu bapa. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyuarakan kebimbangan terhadap keselamatan penggunaan vape.

E-rokok dikaitkan dengan kecederaan paru-paru dan terdapat laporan kes remaja mencampurkan cecair vape dengan bahan berbahaya, menyebabkan keracunan akut serta risiko kesihatan serius.

Di rantau ini, Malaysia mencatatkan kadar penggunaan vape tertinggi di Asia, dengan empat peratus daripada populasi dewasa menggunakan e-rokok. Kajian terkini Global Adult Tobacco Survey (GATS) 2023 menunjukkan peningkatan mendadak penggunaan e-rokok di Malaysia.

Dalam tempoh 12 tahun, pengguna e-rokok meningkat 600 peratus, daripada 0.8 peratus pada 2011 kepada 5.8 peratus (2023). Peningkatan paling ketara berlaku dalam kalangan individu berumur 15 hingga 24 tahun, dengan kadar penggunaan mencecah 8.6 peratus.

Kajian itu juga menunjukkan penggunaan serentak rokok biasa dan e-rokok (*dual use*) turut meningkat, daripada 0.8 peratus kepada 3.9 peratus dalam tempoh sama. Itu bermakna,

ramai pengguna tidak menggantikan rokok dengan e-rokok tetapi menggunakan kedua-duanya sekali gus.

Paling terkini, tinjauan Milieu Insight 2024 mendapati 53 peratus perokok di Malaysia berkemungkinan akan mula menggunakan produk nikotin alternatif (seperti vape) dalam tempoh enam bulan, menunjukkan perubahan tingkah laku yang bakal berlaku — khususnya beliau dan perokok peralihan.

Persoalannya, apakah tindakan yang perlu segera dilaksanakan bagi mengawal penyalahgunaan vape? Undang-undang atau enakmen negeri sahaja tidak mencukupi.

Kalau pun kita mengharamkan penjualan vape dibuat melalui pihak berkuasa tempatan, pengalaman kita dalam banyak perkara diharamkan sebelum ini akan menunjukkan bagaimana perkara diharamkan menjadi halai di pasaran gelap dan dalam industri *underground*, dan akan lebih didambakan generasi muda.

Sebab itu penting kita mendidik rakyat. Dadah pernah menjadi musuh nombor satu negara. Hari ini pada pandangan saya, dadah masih menjadi musuh nombor satu negara terutama dadah sintetik.

Inilah perkara perlu kita risaukan bersama kerana anasir jahat yang mengaut keuntungan daripada dadah ini, sudah pasti mereka ialah manusia-manusia tidak berhati perut, apatah lagi

untuk memikirkan natijah kepada negara akibat tindakan mereka.

Atas sebab itu, kerajaan pusat harus segera bertindak, begitu juga kerajaan negeri. Kerajaan tempatan harus menguatkuasakan apa juga undang-undang bagi menjaga kemaslahatan rakyat. Guru besar di sekolah juga perlu main peranan memantau murid-murid mereka. Naib canselor di universiti perlu segera menjadikan kampus mereka bebas vape.

Walaupun Akta 852 mengharamkan penggunaan vape di institusi pendidikan, pelaksanaan dan kesedaran terhadap peraturan tersebut masih lemah. Universiti kekal menjadi sasaran utama pemasaran vape.

Kenapa penting untuk universiti dan sekolah bebas vape perlu menjadi keutamaan nasional? Sebab universiti dan sekolah harus menjadi gedung ilmu dengan ruang selamat untuk pembelajaran serta melahirkan bakal pemimpin, bukan pintu masuk kepada ketagihan dan melahirkan penagih.

Kita tidak mempunyai masa lagi, semua pihak harus segera bertindak untuk masa depan Malaysia yang lebih cemerlang.

* Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.

SINAR HARIAN

24 APR 2025

Tarikh:

Hasil agihan zakat RM1.19 bilion

5,081 keluarga di Selangor berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

24/4

Seramai 5,081 keluarga di Selangor berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan hasil bantuan zakat berjumlah RM1.19 bilion sepanjang tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mohd Khaidzir Shahari berkata, kejayaan itu adalah hasil pelaksanaan program pembangunan menyeluruh melibatkan bantuan modal permulaan, sokongan kewangan, insentif kerjaya dan bantuan pendidikan.

"Ini bukan sekadar angka,

tetapi kisah tentang maruah dan keupayaan hidup berdikari kerana mereka kini menyumbang semula kepada masyarakat dan tidak lagi bergantung kepada bantuan," katanya semasa membentangkan Laporan dan Prestasi Kutipan dan Agihan LZS di Menara Zakat Sultan Idris Shah di sini pada Rabu.

Mohd Khaidzir memberitahu, tahun 2024 menyaksikan pertumbuhan kutipan zakat sebanyak RM1.22 bilion, meningkat sembilan peratus berbanding tahun 2023.

Jelasnya, peningkatan melebihi RM1 bilion yang melepasi paras kutipan dan agihan tahun ketiga berturut-turut itu adalah hasil sumbangan lebih 380,000 pembayar zakat di seluruh Selangor.

Katanya, majoriti kutipan iaitu sebanyak RM712 juta atau hampir 60 peratus disumbangkan oleh golongan berpendapatan tetap dengan saluran potongan gaji kekal sebagai penyumbang utama.

"Lonjakan ini mencerminkan kejayaan transformasi digitalisasi kami dalam tempoh



Mohd Khaidzir (kanan) bersama Syed Anwar ketika sidang akhbar Prestasi Kutipan dan Agihan LZS di Menara Zakat Sultan Idris Shah, Shah Alam pada Rabu.

sedekad lalu," ujarnya.

Bagi aspek agihan katanya, sebanyak RM780 juta atau 66 peratus daripada jumlah keseluruhan diagihkan kepada pembangunan sosial, termasuk keperluan asas harian, tempat tinggal, perubatan dan bil utiliti.

"Lima kategori utama agihan zakat sepanjang 2024 me-

liputi bantuan kewangan bulanan (RM252 juta), perumahan (RM166 juta), perubatan (RM60 juta), kecemasan (RM74 juta) dan bantuan bermusim (RM33 juta).

"Lebih 370,000 penerima manfaat dibantu termasuk peningkatan 19 peratus dalam kalangan keluarga miskin berbanding tahun sebelumnya,"

katanya.

Tambahnya, selain pembangunan sosial, LZS turut memberi fokus kepada pembangunan pendidikan meliputi RM194 juta, ekonomi sebanyak RM14 juta, insan RM24 juta dan institusi agama RM26 juta.

Sementara itu, Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail memaklumkan, LZS berhasrat memiliki piawaian pengurusan global yang sebanding dengan institusi terbaik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

"Misi kami adalah untuk berkhidmat dengan integriti dan profesional, terutamanya dalam aspek kutipan dan agihan zakat kerana ia sangat penting," katanya.

Jelasnya, LZS akan memastikan setiap sen yang dikutip diagihkan dengan berkesan kepada golongan layak.

"Apa sahaja yang dikutip mesti diagihkan, kecuali bahagian kecil untuk perigurusan.

"Sebab itu kami melabur secara signifikan dalam menaik taraf sistem IT (teknologi maklumat)," katanya.

SINAR HARIAN

24 APR 2025

Tarikh:

Pesta buku bakal tarik 1.9 juta pengunjung

Oleh ALANI NIZAM

KOSMO
24/4

KUALA LUMPUR – Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) menerima sambutan luar biasa daripada pemain industri yang dijangka akan menarik minat 1.9 juta pengunjung bertandang ke Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada 23 Mei hingga 1 Jun ini.

Pengerusi Pengelola PBAKL, Mohd. Khair Ngadiron berkata, penyertaan pemain industri tempatan dan antarabangsa menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu yang terdiri daripada 280 pempamer dan 1,000 reruai.

Katanya, jumlah pengunjung yang dicatatkan pada tahun lalu ialah 1.8 juta.

"Kita masih mengekalkan konsep hibrid iaitu pengunjung boleh membeli buku secara fizikal atau online menerusi Tik-Tok atau Shopee.

"Ta sudah tahun ketiga kaedah itu dilaksanakan yang terbukti



PBAKL sentiasa mendapat sambutan hangat daripada orang ramai untuk membeli buku kegemaran mereka. – GAMBAR HIASAN

berjaya memberi akses lebih mudah kepada pembaca di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar di Menara Dewan Bahasa

dan Pustaka di sini semalam.

Menurut Mohd. Khair, penulis perlu menghasilkan buku fizikal berkualiti dan bermutu ekoran

industri percetakan berdepan cabaran untuk kekal kompetitif dan relevan ekoran peningkatan kos kertas yang menyebabkan lonjakan harga.

Bagaimanapun, tambahnya, nilai jualan masih mampu menandingi rekod sebelum ini walaupun jualan cetakan buku tidak setinggi dahulu.

"Dulu cetak sampai RM400,000 ke RM500,000. Sekarang jual RM200,000 pun dah sama nilai kalau mutu buku berkualiti," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Azman Adnan berkata, kemajuan teknologi dan pendigitalan bukannya ancaman sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada buku fizikal yang perlu saling menyokong dan bergerak seiring.

"Kedua-duanya berperanan penting dalam menyuburkan ilmu," katanya.

PBAKL 2025 edisi ke-42 dibuka selama 12 jam bermula pukul 10 pagi pada 23 Mei hingga 1 Jun ini.

KOSMO

Tarikh: 24 APR 2025

Tiada tolak ansur^{HM} dengan kakitangan^{24/4} awam komen jelik

Kuala Terengganu:

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) tidak bertolak ansur mengenai komen jelik dibuat oleh kakitangan awam terhadap kerajaan.

Presidennya Datuk Dr Adnan Mat berkata, majikan kakitangan awam adalah kerajaan dan dalam masa sama kerajaan kini sentiasa mendengar keluh kesah penjawat awam dan sentiasa membuka ruang kepada mereka untuk menyuarakan ketidakpuasan hati.

Menurutnya, kerajaan sentiasa menerima pandangan, permintaan dan sebagainya selain sebahagian permintaan sudah

dipenuhi oleh kerajaan.

Katanya, sudah tentu Cuepacs berdukacita dengan komen-komen yang jelik dilakukan penjawat awam kepada majikan sendiri iaitu kerajaan.

"Ini adalah amalan yang tidak boleh diterima dan kita Cuepacs tidak bertolak ansur dalam hal ini.

"Ketika kita berada dalam proses rundingan Sistem Persaraan Perkhidmatan Awam, terutama dalam fasa berikutnya, komen-komen jelik ini tidak patut berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di majlis Sambutan Hari Raya di Chendering di sini, semalam.

HARIAN METRO
Tarikh: **24 APR 2025**.....



Naik taraf

JABATAN Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menaik taraf empat Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) yang terdapat di empat lokasi berhampiran laut di Pulau Pinang.

JUMLAH KUTIPAN TERTINGGI DALAM SEJARAH LZS

Kutip **RM1.22b** zakat

Oleh Norzamira

Che Noh

am@hmetro.com.my

Shah Alam 24/4

Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengumumkan kutipan zakat RM1.22 bilion bagi 2024, iaitu tertinggi dalam sejarah penubuhannya.

Ia adalah kali ketiga berturut-turut bagi LZS melepasi paras kutipan dan agihan zakat melebihi RM1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Khaidzir Shahari berkata, pencapaian kutipan menunjukkan peningkatan sembilan peratus berbanding RM1.12 bilion direkodkan bagi 2023.

"Ini membuktikan kepercayaan berterusan lebih 380,000 pembayar zakat Selangor serta iltizam LZS

mengurus dana zakat berintegriti dan berimpak.

"Apa yang menjadikan pencapaian ini lebih bermakna ia berlaku di tengah-tengah cabaran ekonomi dihadapi ramai pihak terutama golongan asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat bagi tahun 2024 di Menara Zakat Sultan Idaris Shah, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi LZS Tan Sri Syed Anwar Jamalullail.

Mengulas lanjut, beliau berkata, zakat pendapatan kekal penyumbang utama dengan RM712 juta atau 58 peratus daripada keseluruhan kutipan.

"Katanya, potongan gaji secara

ra terus menjadi saluran pembayaran tertinggi dengan kutipan RM546 juta.

Jenis zakat lain termasuk zakat perniagaan dengan kutipan RM199 juta, zakat simpanan (RM130 juta), zakat harta (RM70 juta) dan zakat fitrah (RM41 juta).

"Kutipan zakat melalui saluran Direct Debit mencatat pertumbuhan tertinggi antara semua saluran kutipan dengan peningkatan 60 peratus tahun ke tahun berjumlah RM1.4 juta, seterusnya menggambarkan kesediaan pembayar zakat beralih kepada kaedah lebih konsisten dan mudah," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Khaidzir berkata, RM1.19 bilion disalurkan sepanjang 2024 kepada lapan kategori asnaf

dengan peningkatan tiga peratus berbanding tahun sebelumnya RM1.15 bilion.

Beliau berkata, kategori asnaf fakir dan miskin menerima agihan tertinggi berjumlah RM707 juta iaitu 60 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat.

"Ini membabitkan lebih 77,800 keluarga fakir dan miskin sepanjang tahun lalu dengan peningkatan 19 peratus berbanding 2023," katanya.

Sementara itu, pada majlis yang sama, LZS melancarkan Laporan Kelestarian 2024 (Edisi Kedua) bertema 'Memperkasakan Kehidupan' yang dibangunkan berasaskan rangka kerja Global Reporting Initiative (GRI) selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Zakat pendapatan kekal sebagai penyumbang utama

HARIAN METRO

Tarikh: **24 APR 2025**

Remaja sunting gambar lucu guna AI

Hm 24/4

Kulai: Remaja 16 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dua pertuduhan memiliki dan menyunting gambar lucu menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) pelajar perempuan sebuah sekolah menengah swasta di sini awal bulan ini.

Pelajar Tingkatan Empat itu mengaku bersalah terhadap pertuduhan memiliki bahan lucu, namun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan menyunting gambar seorang remaja perempuan berumur 17 tahun menjadi bahan lucu.

Tertuduh membuat pe-

14

Bilangan gambar lucu yang ditemui di dalam telefon pintar tertuduh

ngakuan itu di hadapan Majistret R Salini dalam prosiding yang diadakan secara tertutup.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, tertuduh didakwa memiliki 14 gambar lucu di dalam telefon pintarnya dengan kesalahan itu didakwa dilakukan di Taman Indahpura, Kulai kira-kira jam 5.28 petang,

pada 8 April lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Manakala bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa menghasilkan bahan penganiayaan seksual seorang mangsa perempuan yang berusia 17 tahun dengan cara menyunting gambar menjadi gambar lucu.

Kesalahan berkenaan dilakukan di lokasi sama, lebih kurang jam 12.40 tengah hari, pada 9 April lalu.

Pertuduhan dibuat me-

ngikut Seksyen 5 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman dilepaskan dengan amaran; bon berkelakuan baik; membayar denda; khidmat masyarakat; dihantar ke sekolah diluluskan atau dihantar ke sekolah Henry Gurney.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM4,000 bagi setiap pertuduhan, manakala tarikh 23 Jun depan ditetapkan untuk sebutan semula kes.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya S Thiya manakala tertuduh diwakili peguam T C Lim.

HARIAN METRO

Tarikh: ... 24 APR. 2025 ...

Bernama

Kuala Lumpur

Malaysia sekali lagi melakar sejarah apabila menjadi negara pertama di dunia diberi kebenaran oleh Kerajaan Arab Saudi untuk mengedarkan kad Nusuk dalam negara ini kepada jemaah Haji sebelum jemaah berlepas ke Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi itu adalah pengiktirafan kepada kecekapan sistem pengurusan jemaah haji Malaysia.

"Tahun lepas, kad Nusuk diserahkan di Makkah menjelang Wukuf, namun tahun ini ia diagihkan lebih awal bagi memudahkan pergerakan jemaah.

"Jika kita berjaya menguruskan agihan kad Nusuk dalam negara ini, inisiatif

Pengiktirafan Arab Saudi

THM
24/4

Malaysia negara pertama di dunia diberi kebenaran edar kad Nusuk dalam negara

ini akan diperluaskan ke negara Islam lain.

"Ia satu pengiktirafan besar daripada Kerajaan Arab Saudi terhadap kecekapan sistem pengurusan haji negara, hasil hubungan erat dan strategik antara Tabung Haji (TH) dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan sesi ramah mesra ke Unit Proses Visa Haji bagi meninjau persiapan pengurusan visa jemaah haji musim ini.

Turut hadir, Pengerusi

TH, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Syed Hamadah Syed Othman.

Kad Nusuk ialah kad pengenalan rasmi yang diperkenalkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi bagi semua jemaah haji dari seluruh dunia.

Dalam pada itu, Mohd Na'im merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Arab Saudi atas kecekapan dalam pengeluaran visa serta penambahbaikan sistem kad Nusuk berkenaan.

"Insya-Allah, kejayaan ini menjadi pemangkin kepada usaha TH untuk terus

memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah Malaysia," katanya.

Sementara itu, Mohd Na'im berkata, proses pengeluaran visa bagi jemaah haji Malaysia musim 1446 Hijrah/2025 Masihi mencapai 45 peratus.

"TH juga sudah bersedia sepenuhnya (untuk mengendalikan urusan jemaah haji Malaysia) dengan persiapan hampir 100 peratus. Tahun ini, TH membawa seramai 632 petugas haji yang terdiri daripada petugas kebajikan, perubatan dan wakil agensi luar yang terbabit," katanya.



DR Mohd Na'im (dua dari kanan) meninjau persiapan pengurusan visa jemaah haji musim 1446H/2025M di Menara TH Tun Razak, Kuala Lumpur.

HARIAN METRO
Tarikh: 24 APR 2025

LENCANA JALUR GEMILANG

Bangkitkan rasa bangga pelajar

HM
24/4

Kuala Lumpur: Jalur Gemilang yang tersemat pada seragam pelajar sekolah sejak Isnin lalu diyakini bakal menjadi pemangkin terbaharu dan terbaik ke arah penyediaan semangat cinta dan sayangkan negara khususnya dalam kalangan generasi muda.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Azman Adnan (*gambar*) berkata, inisiatif lencana Jalur Gemilang itu biarpun sekadar imej kecil pada seragam sekolah namun memainkan peranan penting apabila pemakaiannya secara harian bukan sekadar membangkitkan rasa bangga pelajar pada negara.

Beliau berkata, ia juga mampu mengutuhkannya lagi semangat patriotisme pelajar yang dipupuk secara tidak langsung menerusi pendekatan simbolik, psikologi dan pendidikan nilai selain dilihat memainkan peranan penting merapatkan jalinan kebersamaan antara kaum.

"Jalur Gemilang ini simbol kebanggaan anak-anak kita untuk mereka cintakan negara, jadi apabila mereka pakai hari-hari,



mereka akan berasa bangga menjadi rakyat Malaysia dan inilah bendera mereka. Apabila mereka menjadi duta kecil negara bertanding di mana-mana di peringkat dunia, mereka bawa bendera Malaysia mewakili negara.

"Keduanya sudah pasti berkaitan dengan bagaimana kita hendak memperkukuh perpaduan rakyat Malaysia sepertimana yang tersurat dalam imej Jalur Gemilang ada 13 negeri dan ada satu Wilayah Persekutuan, itulah sebenarnya solidariti kita sebagai rakyat Malaysia untuk kita sama-sama terlibat secara langsung bagi memperkukuh negara pada masa akan datang," katanya. - Bernama

HARIAN METRO
24 APR 2025
Tarikh:

Perpisahan adalah jalan terakhir buat mereka yang diuji dengan dugaan dalam rumah tangga.

Namun bagi wanita, khususnya wanita Islam, nantijah perceraian tidak berakhlak di situ kerana ada ketikanya hak berkaitan kewangan yang sepatutnya diperoleh selepas runtuhnya perkahwinan, tidak diluluskan oleh bekas suami.

Bukan semua, namun ada lelaki yang dengan mudah mengingkari tanggungjawab berkaitan nafkah bekas isteri dan anak tanggungan, meskipun arahan dikeluarkan Mahkamah Syariah.

Realiti ini dikupas dalam forum anjuran *Sisters in Islam (SIS)* dengan kerjasama Merdeka Center dan IOI Foundation di sini.

Bertajuk 'Hak Kewangan Wanita Muslim Berpendapatan Rendah dalam Sistem Perundangan Keluarga Islam di Selangor dan Wilayah Persekutuan', forum itu menyoroti hasil tinjauan yang dijalankan badan bukan kerajaan berkenaan.

Antara isu utama yang terpaksa dihadapi wanita Islam daripada kumpulan berpendapatan rendah B40 dengan pasangan ialah nafkah, harta sepencarian dan hak kewangan mereka selepas perceraian.

Kajian mendapati golongan ini berdepan cabaran besar untuk mendapatkan hak itu melalui sistem perundangan syariah di Malaysia disebabkan beberapa

Cabaran hak wanita B40 selepas bercerai

HM 24/4

faktor, antaranya kurang pengetahuan mengenai hak mereka selepas perceraian, halangan birokrasi dan tekanan sosial yang mempengaruhi kemampuan mereka untuk menuntut hak terbabit di mahkamah.

Menurut Penyelidik Kanan Merdeka Center Nor Mariana Mohd Daud, berdasarkan kajian, ada dalam kalangan wanita terbabit turut mengalami gangguan emosi yang serius akibat ketidakstabilan kewangan dan berdepan kemurungan disebabkan oleh ketidakmampuan membayar komitmen kewangan.

"Seramai 124 responden terbabit dalam kajian ini, meliputi wanita golongan B40 yang menetap di Kuala Lumpur dan Selangor. Majoriti responden yang kami temu bual ialah daripada lingkungan umur 41 hingga 50 tahun serta mereka yang berusia bawah 30 tahun."

"Dari segi status perkahwinan semasa kajian ini dijalankan, ia membabitkan individu yang pernah bercerai dan sekarang memiliki gelaran ibu tunggal. Sebanyak 81 peratus daripada ibu tunggal ini hanya memiliki pendapatan RM1,000 hingga RM2,000

"Antara kes yang kami temukan, ada yang terpaksa meminjam wang daripada saudara-mara hanya untuk membuka fail perceraian"

Penyelidik Kanan Merdeka Center, Nor Mariana Mohd Daud

bagi isi rumah," katanya, menambah kajian berkenaan dilaksanakan dari Julai hingga Ogos 2024.

Jelas Nor Mariana, daripada 124 responden, 51 peratus mengakui tidak membuat tuntutan di mahkamah.

"Bagi wanita (responden) berpendapatan rendah ini, mereka tahu proses membuat tuntutan itu mengambil masa yang panjang, membuatkan mereka tidak menuntut hak. Alasan kedua ialah tidak mempunyai kewangan mencukupi."

"Antara kes yang kami temukan, ada yang terpaksa meminjam wang daripada saudara-mara hanya untuk membuka fail perceraian. Justeru, bayangkan pula beban kewangan mereka jika mahu membuka fail tuntutan lain."

"Ramai yang kami temui dan bertanya mengapa tidak buat tuntutan, mereka kata hendak buka satu fail tuntutan (di mahkamah)

perlukan kos RM50. Bayangkan RM50 untuk golongan tertentu sangat besar nilainya dan mereka tidak mampu walaupun kaum wanita ini tahu mereka berhak menuntut hak kewangan dari sudut agama Islam," katanya.

Beliau berkata, faktor lain yang menyebabkan sesetengah wanita tidak memperjuangkan haknya di muka pengadilan ialah ketiadaan bahan bukti.

"Ada wanita tidak pernah terfikir, apatah lagi berniat untuk berpisah selepas mendirikan rumah tangga. Justeru, mereka melayari bahtera perkahwinan tanpa menyimpan sebarang bukti kerana menyayangkan panas sampai ke petang," katanya.

Nor Mariana berkata, sebanyak 49 peratus responden mengemukakan tuntutan hak kewangan di mahkamah demi meneruskan kelangsungan hidup bersama anak-anak.

Selain itu, kebanyakan wanita ini juga enggan dibebankan dengan proses rumit sekiranya mereka membuat tuntutan kewangan daripada bekas suami.

Mereka, kata Nor Mariana, tahu sekiranya tuntutan dibuat mereka perlu melalui proses perbicaraan yang panjang.

Bagaimanapun tidak dapat disangkal ada sesetengah daripada responden gagal menuntut hak mereka di mahkamah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang hal berkenaan.

Menurut Nor Mariana, kekangan lain ialah responden berdepan masalah perbelanjaan melebihi pendapatan, terutamanya dalam kalangan mereka yang berpendapatan bulanan RM1,000.

"Namun begitu ada wanita yang pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000 turut mengalami situasi perbelanjaan melebihi pendapatan. Ia meliputi perbelanjaan asas, umum serta keperluan lain yang perlu dibiayai responden. Apatah lagi kebanyakan perceraian berlaku semasa wanita berkenaan adalah seorang suri rumah

dan tidak mempunyai sebarang pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, faktor lain yang memaksa kaum Hawa tidak mengemukakan tuntutan ialah tekanan daripada pihak luar termasuk bekas suami dan keluarganya.

"Malah, sesetengah responden turut menghadapi tekanan daripada keluarga sendiri dan rakan yang mempengaruhi keputusan untuk tidak membuat tuntutan."

"Mereka juga menghadapi stigma sosial seperti rasa malu dan rendah diri. Ketidadaan sistem sokongan daripada keluarga dan rakan menjadi punca wanita tidak meneruskan tuntutan hak mereka," katanya.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi SIS Ameena Siddiqi berkata, dapatan kajian itu mendedahkan realiti pahit yang dialami oleh wanita Islam selepas mengharungi episod perceraian.

Katanya, cabaran dan kekangan yang dilalui wanita berpendapatan rendah perlu ditangani melalui reformasi undang-undang yang lebih kukuh, mekanisme penguatkuasaan lebih tegas selain program sokongan yang mengutamakan kebajikan wanita serta anak mereka.

"Kajian terbaharu ini menyingkap realiti, terutama bagi wanita Muslim yang bercerai. Kajian ini menunjukkan bagaimana halangan dilalui mereka sekali gus memaksa mereka hidup dalam kemiskinan," katanya.

4 sistem amaran awal tsunami dinaik taraf

SAATNM dilengkapi ciri lebih baik, termasuk pembesar suara 360 darjah

24/4

Georgetown: Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menaik taraf empat Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) yang terletak di lokasi berhampiran laut di Pulau Pinang.

Penolong Pengarah Kanan Pejabat METMalaysia Pulau Pinang, Fadila Jasmin Fakarudin,

berkata SAATNM yang dinaik taraf itu dilengkapi dengan beberapa ciri yang lebih baik, termasuk pembesar suara 360 darjah, berbanding hanya tiga corong pembesar suara sebelum ini.

Beliau berkata, empat lokasi terbabit ialah Pusat Latihan Kenegaraan di Pantai Pasir Panjang, Balik Pulau; Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Teluk Bahang; Masjid Jamek Ar Rahman di Batu Feringghi dan Masjid Terapung Tanjung Bungah.

"METMalaysia menaik taraf empat SAATNM itu kerana sistem yang lama iaitu fasa satu sudah digunakan sejak 2006. SAATNM yang dinaik taraf ini mempunyai sistem pembesar suara 360 darjah, tiang yang lebih tinggi, iaitu 16 meter berbanding 10 meter sebelum ini.

"Hari ini (semalam) kita

membuat pengujian sistem siren tsunami baharu itu bagi Site Acceptance Test (SAT) di Masjid Jamek Ar-Rahman dan semuanya berjalan lancar serta baik," katanya ketika ditemui selepas mengadakan pengujian siren SAATNM di Masjid Jamek Ar-Rahman, dekat sini semalam.

Beri amaran lebih pantas

Fadila Jasmin berkata, pihaknya sudah melakukan pengujian siren SAATNM terbabit di Teluk Bahang pada Isnin lalu, Balik Pulau kelmarin dan ia akan diteruskan di Masjid Terapung Tanjung Bungah hari ini.

"Kita harap dengan menaik taraf SAATNM, ia dapat memberikan amaran dengan lebih pantas kepada orang ramai yang berada di kawasan laut jika berlaku sebarang ancaman tsunami," katanya.

Sementara itu, Pengurus Keselamatan dan Kesihatan Resort Park Royal Batu Ferringhi, V Mohan yang turut hadir melihat ujian siren SAATNM, yakin dengan sistem yang dinaik taraf dapat memberikan maklumat mengenai amaran tsunami dengan lebih cepat, termasuk kepada pengunjung hotel yang terletak kira-kira 300 meter dari lokasi masjid berkenaan.

"Kita boleh ambil tindakan (segera), malah pembesar suara yang baharu ini juga sangat jelas serta boleh didengar hingga hotel, yang sebelum ini pun boleh dengar, cuma saya rasa ini lebih jelas," katanya.

SAATNM berupaya untuk menyalurkan maklumat gempa bumi kepada orang awam dalam tempoh lapan minit selepas dikesan oleh sensor.

Ia juga berperanan mengesan gempa bumi yang berlaku di rantau ini dan seterusnya mengeluarkan maklumat gempa bumi serta nasihat atau amaran jika ia berpotensi menjangka ombak tsunami.

BERNAMA



Fadila Jasmin (kanan) ketika membuat ujian siren SAATNM di Masjid Jamek Ar-Rahman, dekat Georgetown, semalam. (Foto BERNAMA)

BERITA HARIAN
Tarikh..... 24 APR 2025

Inflasi naik perlahan kepada 1.4 peratus Mac

34/4
Kadar inflasi negara meningkat perlahan kepada 1.4 peratus bulan lalu, dengan mata indeks mencatatkan 134.1 berbanding 132.2 pada bulan sama tahun lalu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Peningkatan sederhana itu disumbangkan oleh kenaikan perlahan dalam kumpulan perbelanjaan seperti penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan serta perkhidmatan (3.6 peratus); restoran dan perkhidmatan penginapan (2.9 peratus); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.9 peratus); minuman alkohol dan tembakau (0.8 peratus); serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (0.2 peratus).

Menurut DOSM, inflasi keselu-

ruhan secara bulanan tidak mencatat sebarang perubahan antara Februari dan Mac 2025.

Bagi suku pertama 2025, kadar inflasi negara meningkat perlahan kepada 1.5 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata dua komponen mencatat peningkatan lebih tinggi berbanding Februari, iaitu pendidikan (2.2 peratus) serta rekreasi, sukan dan kebudayaan (1.7 peratus).

Sementara itu, katanya, kumpulan makanan dan minuman (2.5 peratus), insurans dan perkhidmatan kewangan (1.5 peratus), kesihatan (1.0 peratus) serta pengangkutan (0.7 peratus) mencatat kadar peningkatan sama seperti bulan sebelumnya.

Maklumat dan komunikasi serta pakaian dan kasut pula kekal dalam julat negatif masing-masing -5.4 peratus dan -0.2 peratus.

Kumpulan makanan dan minuman yang merangkumi 29.8 peratus daripada wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.5 peratus pada Mac 2025, selari dengan kadar Februari 2025.

Subkumpulan makanan di rumah mencatat peningkatan 0.6 peratus, sedikit lebih tinggi berbanding 0.5 peratus pada Februari. Kelas perbelanjaan ikan dan makanan laut lain meningkat kepada 1.7 peratus berbanding 1.2 peratus bulan sebelumnya.

Kelas perbelanjaan makanan sedia dimakan dan produk makanan lain yang tidak diklasifi-

kasikan mencatat kenaikan 3.1 peratus (Februari 2025: 3.2 peratus), menjadi penyumbang utama kepada peningkatan subkumpulan makanan di rumah.

Santan segar dan santan segera pula masing-masing meningkat kepada 29.4 peratus dan 11.7 peratus, berbanding 27.0 peratus dan 8.7 peratus pada Februari.

Dari segi inflasi mengikut negeri, 12 negeri merekodkan kadar di bawah paras inflasi nasional dengan Wilayah Persekutuan Labuan mencatat kadar terendah, iaitu 0.6 peratus.

Empat negeri mencatat kadar inflasi melebihi paras nasional, iaitu Johor (2.1 peratus), Selangor (1.8 peratus), Negeri Sembilan (1.7 peratus) dan Melaka (1.6 peratus).

BERITA HARIAN

Tarikh 24 APR 2025

Malaysia negara pertama dibenar edar kad Nusuk

24/4

Kebenaran diberi Arab Saudi sebagai pengiktirafan atas kecekapan sistem pengurusan haji

Kuala Lumpur: Malaysia sekali lagi melakar sejarah apabila menjadi negara pertama di dunia diberi kebenaran oleh Kerajaan Arab Saudi untuk mengedarkan kad *Nusuk* dalam negara ini kepada jemaah haji sebelum mereka berlepas ke Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata kebenaran yang diberikan Kerajaan Arab Saudi itu satu pengiktirafan kepada kecekapan sistem pengurusan jemaah haji Malaysia.

"Tahun lalu, kad *Nusuk* diserahkan di Makkah menjelang wukuf, namun tahun ini, ia digantikan lebih awal bagi memudahkan pergerakan jemaah.

"Jika kita berjaya menguruskan agihan kad *Nusuk* dalam negara sebelum berlepas, inisiatif ini akan diperluaskan ke negara Islam lain.

"Ia satu pengiktirafan besar daripada Kerajaan Arab Saudi terhadap kecekapan sistem pengurusan haji negara, hasil hubungan erat dan strategik antara Tabung Haji (TH) dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan sesi ramah mesra ke Unit Proses Visa Haji bagi meninjau persiapan pengurusan visa jemaah haji musim ini.

Yang hadir sama, Pengerusi TH, Tan Sri Abdul Rashid Husain dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Syed Hamadah Syed Othman.

Kad *Nusuk* ialah kad pengenalan rasmi yang diperkenalkan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi bagi semua jemaah haji dari seluruh dunia.

Dalam pada itu, Mohd Na'im merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Arab Saudi atas kecekapan dalam pengeluaran visa serta penambahbaikan sistem kad *Nusuk*.

"Insya-Allah, kejayaan ini



Mohd Na'im (dua dari kiri) melihat visa jemaah haji ketika mengadakan lawatan dan sesi ramah mesra ke Unit Proses Visa Haji di Kuala Lumpur.

(Foto BERNAMA)

menjadi pemangkin kepada usaha TH untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah Malaysia," katanya.

Sementara itu, Mohd Na'im berkata, proses pengeluaran visa bagi jemaah haji Malaysia musim 1446 Hijrah/2025 Masihi sudah mencapai 45 peratus.

"TH juga sudah bersedia sepenuhnya (mengendalikan urusan jemaah haji Malaysia) dengan persiapan hampir 100 peratus. Tahun ini, TH membawa seramai 632 petugas haji terdiri petugas kebajikan, perubatan dan wakil agensi luar yang terbabit," katanya. BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....24 APR.2025.....

402,956 calon SPM 2024 boleh semak keputusan hari ini

Oleh **ASLINDA NASIR**
aslinda.nasir@mediamulla.com.my

UM
24/4

PETALING JAYA: Debaran 402,956 pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 bakal terjawab apabila keputusan masing-masing akan diketahui hari ini.

Keseluruhan pelajar yang membabitkan 3,337 pusat peperiksaan seluruh negara boleh memperoleh keputusan tersebut dari sekolah masing-masing mulai pukul 10 pagi ini.

Semua sistem akan diaktifkan mulai pukul 10 pagi ini sehingga 6 petang, 30 April 2025.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam kenyataan sebelum ini berkata, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui beberapa kaedah.

Ini seperti secara dalam talian melalui pautan, *myresultspm.moe.gov.my* dan menerusi kaedah sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip SPM<jarak>NoKP<jarak>Angka Giliran dan hantar ke 15888.

Bagi calon persendirian pula, keputusan akan dihantar melalui pos atau boleh menghubungi



Semua sistem akan diaktifkan mulai jam 10 pagi ini sehingga 6 petang 30 April 2025."

Jabatan Pendidikan Negeri tempat mereka mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

KPM juga meminta pihak sekolah agar memastikan proses penyerahan keputusan peperiksaan dilaksanakan secara cekap dan teratur bagi memastikan kelancaran urusan penyampaian keputusan kepada calon.

Satu sidang akhbar khas berhubung pengumuman rasmi keputusan keseluruhan SPM 2024 akan dibuat di Putrajaya sementara di peringkat negeri pula, ia akan dibuat menerusi Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

Sebagai rekod, seramai 11,713 pelajar yang menduduki SPM 2023 memperoleh keputusan cemerlang gred A+, A dan A dalam semua mata pelajaran.

UTUSAN MALAYSIA
24 APR 2025
Tarikh:

Sudah lama berkhidmat, tetapi tidak menerima sebarang faedah

Kerajaan perlu serap 18,000 kakitangan skim MySTEP

Oleh Zaid Mohd. Noor

utusannews@mediamallia.com.my

KUALA TERENGGANU: Kerajaan diminta menyerap kira-kira 18,000 pegawai pemantau harga di bawah program pekerjaan sementara (MySTEP) ke jawatan tetap atau kontrak.

Ini berikutan mereka sudah

lama berkhidmat di bawah skim itu yang tidak menawarkan sebarang faedah seperti cuti rehat, perubatan dan tidak menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhid-

matan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat berkata, pada masa sama pegawai pemantau yang berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu berperanan besar dalam memantau harga barang di seluruh negara.

Katanya, sebahagian besar daripada mereka berkelulusan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan gaji sekitar RM1,500 sebulan.

Katanya, mereka adalah penjawat awam barisan hadapan dalam memastikan kestabilan harga barang patut mendapat layanan lebih baik seperti jawatan tetap atau kontrak.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:24..APR..2025...

Kerajaan perlu serap 18,000 kakitangan skim MySTEP

24/4

Dari muka 1

"PPH sudah berkhidmat selama 18 tahun sejak 2008 mengikut sistem Kontrak Perkhidmatan, kini dicadang ditukarkan kepada Skim MySTEP iaitu penurunan gred tanpa jaminan kestabilan pekerjaan dan faedah kebajikan sewajarnya," katanya pada Majlis Sambutan Syawal Ceria Madani anjuran Cuepacs Negeri Terengganu di sini, semalam.

PPH berperanan memastikan kestabilan harga barang dan membendung manipulasi harga yang boleh membebankan rakyat.

Adnan berkata, kebimbangan CUEPACS ialah menjelang 2025, status kontrak PPH akan mencapai 18 tahun tanpa sebarang kenaikan tangga gaji mahupun peningkatan taraf jawatan.

Katanya, sepanjang tempoh 18 tahun perkhidmatan, pelbagai cadangan dikemukakan bagi memastikan PPH mendapat status perjawatan lebih stabil, termasuk kenaikan taraf kepada sekurang-kurangnya Kontrak Perkhidmatan tetapi tiada tin-



CUEPACS bantah pelaksanaan Skim MySTEP kepada PPH kerana ia akan menghakis kestabilan pekerjaan serta hak kebajikan mereka."

dakan konkrit diambil.

"CUEPACS bantah pelaksanaan Skim MySTEP kepada PPH kerana ia akan menghakis kestabilan pekerjaan serta hak kebajikan mereka, malah skim berasaskan kontrak jangka pendek ini juga tidak wajar diteruskan memandangkan ia tidak menjamin peningkatan pendapatan dan kestabilan pekerjaan," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS menggesa kerajaan agar menilai semula keputusan pelaksanaan

Skim MySTEP kepada PPH dan mengambil langkah proaktif dalam memperjuangkan kebajikan serta kestabilan pekerjaan mereka.

Menurutnya, PPH sudah berkhidmat dengan penuh dedikasi hampir dua dekad dalam memastikan kestabilan harga barang di negara ini, justeru, mereka wajar diberikan pengiktirafan dan jaminan kerjaya lebih baik sebagai penghargaan atas sumbangan kepada negara.

Sebarang bentuk perubahan dalam status perjawatan PPH mesti mengambil kira kepentingan kebajikan pekerja, termasuk jaminan pekerjaan, kenaikan gaji, faedah kebajikan serta perlindungan KWSP dan Perkeso.

Sementara itu, beliau mengingatkan penjawat awam tidak melakukan komen jelik dalam media sosial sehingga menjejaskan nama baik jabatan kerajaan.

Katanya, penjawat awam tidak seharusnya menggunakan media sosial untuk meluahkan perasaan tidak puas hati terha-

dap sesuatu isu yang berbangkit.

"Majikan kami adalah kerajaan dan dalam masa sama kerajaan kini sentiasa mendengar keluh kesah penjawat awam dan kerajaan sentiasa membuka ruang kepada mereka untuk menyuarakan ketidakpuasan hati," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS berdukacita dengan komen-komen yang jelik dilakukan penjawat awam kepada majikan sendiri.

"Ini adalah satu amalan yang tidak boleh diterima dan kita tidak boleh bertolak ansur dalam hal ini.

"Ketika kita berada dalam proses rundingan Sistem Persaraan Perkhidmatan Awam, terutama dalam fasa berikutnya, komen-komen jelik ini tidak patut berlaku," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan 18 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima surat peringatan manakala seorang bomba bantuan digantung tugas selama tiga bulan kerana melanggar etika penggunaan media sosial dalam tempoh dua tahun lalu.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:24 APR 2025.....

No casualties reported in Klang Valley landslides

NST 24/4 (DBKL)

KUALA LUMPUR: Landslides occurred at several locations yesterday following heavy rainfall.

In Taman Tun Dr Ismail (TTDI) here, a section of an international school's wall collapsed.

The Kuala Lumpur Fire and Rescue Department said its operations centre received a distress call via the MERS999 emergency line at 7.18am and promptly despatched personnel to the scene.

"Fire and Rescue personnel from the TTDI and Sri Hartamas stations were deployed as first responders, involving two vehicles, a fire rescue tender and an emer-

gency medical response unit, with a total of 15 personnel," it said in a statement.

The collapse of the school wall is believed to have been caused by a landslide.

"Upon arrival, firefighters conducted a size-up to ensure the area was safe.

"The incident affected two vehicles and part of the school building, including classrooms, the teachers' room, toilets and the library," the department said.

The situation was brought under control by 7.55am, with no casualties reported.



Fire and Rescue Department personnel clearing debris from a vehicle hit by a landslide in Taman Tun Dr Ismail in Kuala Lumpur yesterday. PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

It said Kuala Lumpur City Hall would take further action following the incident.

Meanwhile, the department confirmed that more landslides

were also reported in Sri Petaling and Cheras with no casualties.

A landslide was also reported in Jalan Haji Abdullah in Kampung Sungai Merab Luar.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 24 APR 2025....

Selangor hit by flash floods

► Sungai Buloh, Petaling Jaya and Subang Jaya worst hit, 86 houses affected

■ BY DEEPAKAKSHMI MANICKAM AND KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Several districts across Selangor were hit by flash floods yesterday morning following continuous heavy rainfall, affecting numerous homes and disrupting traffic along major highways.

The worst-hit areas included Sungai Buloh, Petaling Jaya and Subang Jaya, with a total of 86 houses affected, said Selangor Fire and Rescue Department Assistant Director of Operations Ahmad Mukhlis Mukhtar.

However, he said no evacuations were carried out as water levels had quickly receded in most of the affected areas.

He added that in Kampung Paya Jaras Hilir in Sungai Buloh, 80 houses were inundated, with floodwaters rising as high as three feet.

In Kampung Baru Sungai Buloh, six houses were also affected, with water levels reaching up to two feet. Residents opted not to evacuate as conditions improved.

"A car was trapped in two feet of floodwater at Persiaran Damai in Kampung Kenangan,

Subang Jaya, but no injuries were reported," Ahmad Mukhlis said in a statement.

In Petaling Jaya, a woman in her 50s had to be rescued by the public at Jalan PJU 1A/46 as her vehicle was caught in about 1.5m of water.

In Taman Tun Dr Ismail, part of a wall at an international school collapsed following a landslide yesterday morning.

Kuala Lumpur Fire and Rescue Department operations commander Azkhan Hamdan said no one was injured in the incident.

"Two vehicles and several parts of the school building, including classrooms, the staff room, toilets and the library were damaged," he said in a statement.

In another incident, the Selangor Fire and Rescue Department Operations Centre reported a landslide at a hillside near Jalan Haji Abdullah in Kampung Sungai Merab Luar, Kajang, blocking access to the road.

"The department received an emergency call at 8.50am, and eight firefighters in a fire engine from the Dengkil station were dispatched to the scene. No casualties were reported in the incident."

Speaking to *theSun*, National Disaster Management Agency Director-General Datuk Khairul Shahril Idrus said the agency had anticipated thunderstorms based on alerts issued by the Meteorological Department.

"However, it is difficult to predict exactly which areas will be hit by flash floods.

"Many variables contribute to these incidents, such as the intensity of rainfall, the

effectiveness of local drainage systems and even tidal conditions."

He added that inter-agency coordination was managed at the state level, with weather warnings triggering response measures from local councils and emergency units.

Although the monsoon season had ended, Khairul cautioned that localised floods could still occur due to lingering weather instability.

"We are entering a period of lower flood risk, but that does not mean we can let our guard down.

"Flash floods remain a threat when rainfall exceeds certain thresholds."

He urged residents to remain alert and to follow instructions from local authorities during extreme weather situations.

In addition to residential areas, major roads and highways were also affected.

In a statement, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) reported flash floods at Km9.1 northbound along the Shah Alam-Subang route had blocked both the left and middle lanes until yesterday afternoon, causing severe congestion that extended all the way to the Setia Alam interchange.

A photo shared by PLUS showed a section of the highway completely submerged, underscoring the intensity of the rainfall.

Additionally, the Shah Alam toll plaza on the Elite Highway was also affected, with floodwaters rendering both the motorcycle and left lanes impassable.

"Multiple areas across Selangor were inundated by the downpour."



A resident of Kubu Gajah in Sungai Buloh salvaging items in her flooded home yesterday. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:24 APR 2025

A LOT OF CLEANING

MORNING NIGHTMARE FOR RESIDENTS

Downpour in Taman Seri Alam causes pond embankment to collapse

AUSTIN CAMOENS AND
MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL
SUNGAI BULOH
news@nst.com.my

RESIDENTS of Taman Seri Alam near here woke up to chaos early yesterday as heavy rainfall caused an embankment of a retention pond under repair to collapse, flooding at least 35 homes in the area.

Water began to flow across the section during the downpour which lasted until at least 8am.

E-hailing driver Muhammad Akmal Abdul Ghani, 39, woke up at 6am to discover water rising in front of his house in Jalan Seri Alam 1.

"At first the water only inundated the front yard, but in 30 minutes, it rose and started flowing into my home.

"Thankfully the water level did

not rise more than two inches inside the house, but it still left us with a lot of cleaning to do," he said yesterday.

Akmal, who has lived in the house since 2011, had experienced flooding from the retention pond three times and questioned why the authorities were taking so long to repair the damaged section.

"They immediately began work when the section first collapsed in December last year, but progress has been slow.

"How many more times do we have to go through this before the authorities can finally rectify the situation?" he asked.

Muhammad Azri Fiqri Nor Azmi, 23, said he and his family were considering moving to another house in Negri Sembilan if the situation in the neighbourhood did not improve.

"I have lived here with my parents since 2013 and we have endured floods here caused by overflow from the retention pond three times. The worst was when the pond collapsed in December.

"When will they complete the repair work?" he asked, adding that he also believed the progress in repairing the embankment

was too slow.

Aizat Ahmad Sallehudin, 32, said he moved to the neighbourhood two years ago.

"I bought the house here to be closer to my wife's family and then this happens (retention pond collapse). We cannot even consider moving out now because we are paying for the house loan here," he said.


He added that during the last flood, his home was inundated around half a metre and his car was damaged.

Meanwhile, 86 houses were hit by a flash flood following heavy rain in Kampung Baru Sungai Buloh and Kampung Paya Jaras Hilir yesterday.

Selangor Fire and Rescue Department assistant operations director Ahmad Mukhlis Mokhtar said they received calls about the incident at 5.01am and 6.30am involving the two locations.

"The Bukit Jelutong Fire and Rescue Department personnel arrived at the scene and found Jalan Teratai 4 in Kampung Paya Jaras Hilir flooded at a depth of 0.91m.

"Approximately 80 houses were affected. However, the water level is receding, and no evac-



An aerial view of flooded buildings in Sungai Buloh yesterday. NSTP PIC BY AHMAD UKASYAH

uations were carried out. The operation ended at 7.21am," he said.

In Kampung Baru Sungai Buloh, six houses in Jalan Industri 4 were flooded at a depth of 0.60m, said Mukhlis.

In Petaling Jaya, firefighters were called to Jalan PJU 1A/46, where a woman in her 50s was stranded in her car.

Deputy Entrepreneur Develop-

ment and Cooperatives Minister Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan asked the Selangor government to expedite flood mitigation projects in Sungai Buloh after visiting the flooded areas yesterday.

Page 1 pic: Water flowing from a retention pond into the houses in Taman Seri Alam yesterday.



Water flowing through a damaged barrier at the Taman Seri Alam retention pond in Sungai Buloh yesterday. NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

NEW STRAITS TIMES
24 APR 2025
Tarikh:

PUTRA HEIGHTS PROBE

NST 24M

Rain hindering collection of samples at gas pipeline blast site

SHAH ALAM: Bad weather has hampered efforts to retrieve samples from "ground zero" of the gas pipeline explosion in Putra Heights.

Selangor police chief Datuk

Hussein Omar Khan said rain in the past few days was posing difficulties for investigators.

"The agencies involved have dug up the pipes in question.

"Some specimens have been re-

trieved by the investigation team but they are still waiting to collect debris samples from the bottom," he said yesterday.

"We had expected the initial report on the incident to be com-

pleted earlier, but this has since been disrupted by the recent weather," he said.

On April 1, a huge explosion and fire broke out on a Petronas gas pipeline in Putra Heights, Se-

langor. Videos on social media showed orange flames shooting up high above the gas pipeline.

The authorities estimated the flames were as high as 30m and could be seen kilometres away.

NEW STRAITS TIMES
24 APR 2025
Tarikh:

Highways near Shah Alam flooded

NST
24/4

KUALA LUMPUR: Continuous heavy rainfall triggered flash floods in the Klang Valley, causing widespread congestion on several highways.

According to a statement by Projek Lebuhraya Utara-Selatan Malaysia Bhd (PLUS), flash floods were reported at Km9.1 (north-bound) of the New Klang Valley Expressway between Shah Alam and Subang. This caused traffic congestion stretching up to the Setia Alam interchange.

A similar situation was also reported at the Shah Alam toll plaza of the Elite Highway.

NEW STRAITS TIMES
24 APR 2025
Tarikh:

Bahasa Melayu asset to further strengthen M'sia-China ties

KUALA LUMPUR: As Malaysia and China marked the 50th anniversary of diplomatic relations last year, Bahasa Melayu is emerging as a strategic diplomatic asset to further strengthen bilateral ties.

Since establishing diplomatic ties in 1974, both nations have cultivated strong relations across various sectors, including trade, culture and education.

Among the initiatives is the establishment of the Chair of Malay Studies at the Beijing Foreign Studies University in 2007, which was renamed the Sultan Ibrahim Malay Studies Chair in 2024.

With increasing interest in language and cultural exchange, promoting mutual understanding through these elements is now viewed as a vital instrument of soft power and long-term cooperation.

Pacific Research Centre of Malaysia Principal Adviser Dr Oh Ei Sun said the initiative also aligned with the key objectives of the Belt and Road Initiative (BRI), particularly the pillar of people-to-people connectivity, alongside infrastructure development and investment facilitation.

"As language is the soul of culture, such exchanges would deepen these ties," he told Bernama recently.

When asked whether Malaysia's effort to promote the Malay language in China should be seen as a soft power strategy, he opined that the effort could, at the very least, produce more Malay speakers in China, which would in turn facilitate future bilateral engagements in areas such as the economy, communication and tourism.

Previously, His Majesty the King of Malaysia Sultan Ibrahim highlighted the growing importance of student exchanges between Malaysia and China, with plans to send more Malaysian students to China to foster educational and cultural ties.

To ensure success of the initiative, Oh emphasised the need for comprehensive language training courses, immersion programmes and internships to deliver tangible outcomes.

THE SUN

24 APR 2025

Tarikh: